


# Samudera

Universiti Malaysia Terengganu [www.umt.edu.my](http://www.umt.edu.my)  
OKTOBER 2013 ■ BIL: 50



ISSN 2229 - 8363



9 771985 851000

*Selangkah  
ke Menara  
Gading*

**UMT  
Menang  
8 Anugerah  
Inovasi**

*Taman  
Tropika  
Kenyar*

**Cer  
Teka...**

# Sidang Redaksi

## PENAUNG

Naib Canselor UMT  
YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Komoo

## PENASIHAT

Pengarah Penerbit UMT  
Prof. Madya Dr. Noraien Mansor

## KETUA PENGARANG

Rabil Sitta Abdul Rahman

## KETUA MEDIA

Normardiana Mohammad Jaafar

## EDITOR

Yusrina Omar

## PEREKA

Adli Hashim

## PEMBACA PRUF

Nur Aaminah Azhar  
Arifah Alias (Pelajar Praktikal UiTM)

## JURUFOTO

Krew Produksi UMT  
Adli Hashim

## WARTAWAN

Raja Mohd Bazley Raja Ahmadle Akbar  
Mohamad Nur Azshary Mohd Salleh  
Fadila Kasmawani Fakaruddin  
Amyra Abdul Malik  
Naqibah Rosli  
Hazzira Tarmuzi  
Fatin Nadzirah Zakaria  
Roshila Murni Rosli  
Nazreen Azrina Mat Azhar  
Mohammad Faiz Fadzli  
Hardisaiqal Husain  
Irene Lew  
Ponmalar Ravichandran  
Paveethra Thegarathah  
Siti Asmal Mat Piah



# Tinta Ketua Pengarang

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Kampus Universiti Malaysia Terengganu yang sepi selepas cuti semester pelajar *degree* kini kembali meriah. Bertambah meriah dengan kehadiran 2568 pelajar baharu UMT Sesi 2013/2014. Selamat datang diucapkan kepada semua warga baharu UMT. Kami seisi kampus, sememangnya tidak sabar menunggu kehadiran adik-adik baharu di sini. Kami juga gembira melihat keceriaan warga baharu UMT di hari pertama pendaftaran.

Kini kaki telah melangkah ke alam kampus. Seperti mana nasihat Naib Canselor UMT, YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Komoo dalam ucapan selamat datang beliau ketika Sesi Majlis Ikrar Pelajar UMT Sesi 2013/2014, "Gunakan masa transisi di kampus untuk membina perwatakan dan keyakinan diri serta mencari hala tuju kehidupan".

Peluang belajar di universiti bukan sekadar mencari ilmu dalam dunia akademik tetapi adik-adik juga berpeluang mengasah bakat kepimpinan, meluaskan pergaulan sosial dengan rakan-rakan mahasiswa apabila menyertai aktiviti kokurikulum seperti menyertai persatuan, kelab, sukan dan sebagainya. *Tepuk dada, tanya selera*. Keputusan di tangan adik-adik sendiri. Pilihlah aktiviti berdasarkan minat masing-masing. Jangan memilih sesuatu aktiviti kelab, persatuan atau sukan semata-mata kerana mengikut kawan. Adik-adik perlu bertanya

kepada diri sendiri, apakah sebenarnya minat diri masing-masing. Begitu juga dengan pemilihan kursus subjek elektif ataupun minor. Rangka hala tuju masing-masing dan mulakan perancangan hingga ke tahun akhir serta ke alam kerjaya. Kebanyakan graduan yang berjaya di alam kerjaya selepas tamat pengajian adalah dalam kalangan mereka yang telah menetapkan hala tuju masing-masing semasa di alam kampus lagi.

Tidak dapat dinafikan juga, semasa di alam kampus ini juga adik-adik turut "diintai" dengan pelbagai gejala negatif, *tebuk dada, tanyalah iman!* Peluang berada di kampus, adalah ruang untuk kita memupuk kedewasaan diri. Jika adik-adik tahu membezakan yang mana positif dan negatif, insya-Allah, perjalanan hidup adik-adik akan selamat. Jangan kaki tersilap langkah semasa berada di alam menara gading ini. Jika tersilap langkah, kembalilah ke pangkal jalan. Sentiasa ingat wajah gembira ibu dan ayah ketika hari pertama menghantar adik-adik ke kampus ini. Harapan mereka terhadap adik-adik sangat besar. Mereka pastinya mahu adik-adik bergraduat dengan cemerlang.

Akhir kata, selamat melangkah ke alam kampus. Ciptalah kenangan yang paling indah sepanjang masa anda berada di kampus UMT ini.

*Cik Bie.*



# Selangkah ke Menara Gading UMT Destinasi Pilihan

oleh: **Yusrina Omar**

**W**arga kampus Universiti Malaysia Terengganu (UMT) mengucapkan “Selamat Datang” kepada 2568 pelajar Sarjana Muda bagi sesi 2013/2014. Warga baharu ini akan menyambung pengajian dalam pelbagai program di enam fakulti yang terdapat di UMT. Mereka akan menjadi warga pelajar di Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), Fakulti Pembangunan Sosial (FPS), Fakulti Agroteknologi dan Sains Makanan (FASM), Fakulti Pengajian Maritim dan Sains Marin (FMSM), Fakulti Perikanan dan Akuatik (FPAI), dan Fakulti Sains dan Teknologi (FST).

Tradisi sambutan pelajar baharu diteruskan dengan program Minggu Jalinan Mesra (MJM) yang diadakan selama empat hari. Program ini dijalankan bagi memberikan pendedahan yang lebih khusus kepada pelajar baharu mengenai keistimewaan dan kemudahan yang terdapat di UMT. Pendaftaran pelajar baharu bermula pada jam 8.00 pagi yang bertempat di Dewan Sultan Mizan pada 2 September 2013. Kedatangan pelajar baharu disambut dengan cukup mesra oleh warga UMT.

Terdapat pelbagai slot yang telah disediakan untuk para pelajar baharu sepanjang



Kaum keluarga pelajar turut teruja membantu ahli keluarga mereka mengangkut barang ke kampus UMT. (Foto: Universiti Malaysia Terengganu Official Facebook)

MJM dijalankan, antaranya ialah slot Kenali Fakulti, slot Bicara Tokoh dan slot Bersama Jabatan Pengurusan Akademik. Pada 4 September 2013, Majlis Ikrar Pelajar Baharu, Penyerahan Aku Janji dan Minum Petang Bersama Naib Canselor pula telah diadakan di Dewan Sultan Mizan.

“UMT telah menyediakan kemudahan yang lengkap untuk kegunaan para pelajar dan kami

perlu menyesuaikan diri kerana kini dapat belajar jauh dari kampung halaman”, kata Lee Wee Yang dan Farhanaz Md Yahya yang mengikuti MJM bagi fakulti FPE.

“Kami berharap dapat menamatkan pengajian dengan cemerlang dari semua aspek dan memegang ijazah kelas pertama”, tambah mereka yang masing-masing berasal dari negeri Johor.

Sepanjang MJM ini berlangsung, para pelajar telah mendapat pelbagai informasi yang berguna dan dapat dimanfaatkan sepanjang bergelagor pelajar sarjana muda di UMT. Kami dari pihak Samudera ingin mengalu-alukan kedatangan pelajar baharu ke UMT dan berharap semoga mereka bakal menaikkan dan mengharumkan nama UMT.



Pelajar baharu melangkah kaki ke kampus UMT ditemani bapa tersayang. (Foto: Universiti Malaysia Terengganu Official Facebook)



Melalui sesi pendaftaran di Dewan Sultan Mizan. (Foto: Universiti Malaysia Terengganu Official Facebook)

Nilai Harta bagi seorang bapa adalah melihat kecemerlangan anak-anak





Lafaz ikrar dilaksanakan di Majlis Ikrar Pelajar Baharu UMT Sesi 2013/2014 di Dewan Sultan Mizan. (Foto: Universiti Malaysia Terengganu Official Facebook)

## Pandangan Pelajar Baharu mengenai UMT



"Saya berasa sangat gembira kerana dalam keluarga saya, saya adalah orang yang pertama mendapat tempat di IPTA dengan program pengajian yang saya minta. Saya juga telah mendapat kakak, abang dan kawan yang baharu di sini. Harapan saya adalah untuk menggembirakan ibu bapa dan keluarga saya dengan mendapat segulung ijazah kelas pertama."

*Danaraj a/l Anbalagan, Sarjana Muda Perakaunan, Klang, Selangor*

"Saya merasakan UMT banyak menyediakan kemudahan yang bagus. Sebagai contoh, kemudahan *wi-fi* yang agak baik, kafeteria yang dekat dan kawasan UMT yang tidak terlalu besar. Saya dapat berkenalan dengan ramai kawan dari seluruh negeri. Saya berharap saya boleh belajar dengan baik dan mendapat anugerah dekan kerana itu merupakan impian utama saya di sini."

*Aisyah Aminuddin, Sarjana Muda Perakaunan, Kuala Lumpur*



"Saya amat teruja ingin menyambung pengajian di UMT kerana sistem pembelajaran di sini sudah semestinya amat berbeza dari pembelajaran ketika di matrikulasi. Ini merupakan pengalaman baharu bagi saya dan saya amat bersyukur menjadi salah seorang daripada mahasiswa UMT. Harapan saya, semoga saya dapat menimba sebanyak mungkin ilmu pengetahuan dan mencari ramai kenalan dan menamatkan pelajaran di UMT dengan cemerlang."

*Asmaa' Shahirah Asmadi, Sarjana Muda Sains Gunaan Perikanan, Kelantan*

"Pengalaman sebagai pelajar baharu di UMT memang agak teruja kerana kedudukan UMT yang berdekatan dengan pantai. Kedudukan asrama dengan setiap bangunan fakulti tidak terlalu jauh untuk berjalan. Yang paling seronok ialah orientasi di UMT dapat ke Pulau Bidong. Senior di sini memang baik dan *sporting*, boleh bersempang dan bertanya macam kawan biasa. Harapan apabila sampai ke UMT ialah dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran baru dan juga dapat memberi jasa untuk UMT walaupun sedikit di samping dapat keluar dari UMT dengan ijazah kelas pertama."

*Mohd Faizulfitri Mohd Nor, Sarjana Muda Sains (Sains Nautika dan Pengangkutan Maritim) Kedah*





# Rangkul 8 Anugerah Inovasi Penyelidikan

oleh: Mohamad Faiz Mohd Fadzli



Saudari Najwa Md Yasin pelajar daripada Sarjana Muda Teknologi Alam Sekitar menerima pingat perak.



Penyelidik muda UMT bersama pingat yang dimenangi.

Pada 19-20 Ogos yang lalu telah berlangsungnya pertandingan bertaraf antarabangsa iaitu Novel Research Innovation Competition 2013 yang turut disertai oleh Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Pertandingan ini bertempat di Dewan Utama Universiti Sains Malaysia. Pertandingan ini terbuka kepada mahasiswa-mahasiswa tahun akhir yang ingin mempertandingkan hasil penyelidikan mereka sebelum bergraduasi. Penyertaan pertandingan ini diwakili oleh seluruh universiti-universiti awam serta swasta sekitar Malaysia dan beberapa universiti antarabangsa salah satu darinya ialah Princess of Narathiwat University dari Thailand. Mahasiswa UMT berjaya merangkul lapan anugerah yang terdiri daripada tiga pingat perak dan lima pingat gangsa. Para penyelidik muda dari UMT memberikan yang terbaik dan akhirnya mengangkat nama UMT ke peringkat antarabangsa.

Saudari Najwa Md Yasin pelajar daripada Sarjana Muda Teknologi Alam Sekitar yang mempertandingkan hasil penyelidikan berjudul; *Halal trypsin from fish viscera via Hybrid ULTRAFILTRATION-AFFINITY Membrane*, menjelaskan pertandingan ini merupakan cabaran bagi membuktikan penyelidikan beliau diiktiraf di peringkat antarabangsa. Beliau

memilih cabang teknologi kimia yang merupakan salah satu cabang bagi kursus teknologi alam sekitar dan ini merupakan cabaran yang perlu beliau tempuhi. Penyelia penyelidikan Prof. Madya Dr. Nora Aini binti Haji Ali turut memberikan ransangan dan ini menjadi sumber inspirasi kepadanya.

Setiap penyelidikan yang dipertandingkan mampu memberikan impak kepada masyarakat. Contohnya, Saudari Najwa berjaya memberikan impak tersebut hasil dari penelidikannya iaitu dengan proses ultrafiltrasi bagi mendapatkan *trypsin* tulen iaitu sejenis enzim dari perut ikan. Beliau mendapat idea tersebut daripada industri keropok lekor iaitu perut ikan yang merupakan bahan buangan di dalam industri, namun untuk tidak membazir sumber dan khazanah yang dikurniakan Ilahi, beliau meneruskan penyelidikan beliau dan ternyata usaha beliau tidak sia-sia.

Hasil penyelidikan beliau mampu mengurangkan kos pembelian enzim yang hampir mencecah RM1,000.00 untuk hanya satu gram enzim *trypsin* tulen. Penyelidikan beliau mampu memasuki bidang perubatan tisu kultur, farmasi, dan industri makanan dan seterusnya memberikan impak dan manfaat kepada masyarakat.

- Norhaslinda Syarial (UK22188)- Pingat Perak Sarjana Muda Sains Gunaan (Perikanan) Penyelia: Prof. Madya Dr. Hii Yii Siang Tajuk Projek: *Development of rapid analytical test kit for dissolved phosphorus by using mobile phone's CMOS sensor.*
- Nurul Izzati Baharul Wafi (UK22505) dan Norhidayu binti Norudin (UK23217) Sarjana Muda Sains Gunaan (Fizik Elektronik dan Instrumentasi) Penyelia: Dr. Mohd Faiz bin Hassan Tajuk Projek: *Alkaline Cell Based on a Porous Structure of Manganese Oxides FS.*

## Senarai Penerima Pingat Gangsa

- Nur Yasmin Abu Bakar (UK22088) dan Mohd Saiful Asmal Abd Rani (UK22450) Sarjana Muda Sains Gunaan (Fizik Elektronik dan Instrumentasi) Penyelia: Prof. Madya Dr. Mohd Ikmar Nizam Mohamad Isa Tajuk Projek: *Chicambro – Blended Biopolymer Green Electrolytes FS.*
- Che Zaira Ismail (UK23243) dan Nor Amalina Ayob (UK23376) Sarjana Muda Sains Agroteknologi (Akuakultur) Penyelia : Prof. Madya Dr. Abol Munafi Ambok Bolong/ En. Masduki Mohammad Morni Tajuk Projek: *WASTE TO WEALTH: Chicken oil as an alternative lipid source in aquafeeds ET.*
- Muhamad Faiz Abdul Rahman (UK22444) dan Siti Zafirah Mohamed Yusof (UK22210) Sarjana Muda Sains (Sains Biologi) Penyelia: Dr. Nor Azman Kasan, Prof. Madya Dr. Wan Mohd Khairul Wan Mohamed Zin Tajuk Projek: *A3-Thioxy As Potential Inhibitor to the Growth of Cyanobacteria in Aquatic Enviroment LS.*
- Nur Hafiza Mr. Muhamaruesa (UK23246) dan Nur Ain Bashiran Aniskari (UK23670) Sarjana Muda Sains Gunaan (Fizik Elektronik dan Instrumentasi) Penyelia: Prof. Madya Dr. Mohd Ikmar Nizam Mohamad Isa Tajuk Perojek: *C & C Dual Blend Green Plastics FS.*
- Nur Amalina Daud (UK20974) dan Ramizah Mat (UK21358) Sarjana Muda Teknologi (Alam Sekitar) Penyelia: Dr. Mohamad Awang Tajuk Projek: *Agricultural Waste Alpinia Galanga – Polyethylene Composites ET .*

## Senarai Penerima Pingat Perak

- Najwa Mat Yasin (UK19013)-Pingat Perak Sarjana Muda Teknologi Alam Sekitar Penyelia: Prof. Madya Dr. Nora Aini Haji Ali. Tajuk projek: *Halal trypsin from fish viscera via hybrid ULTRAFILTRATION-AFFINITY membrane approach.*

# PITA Puncak Cabaran


## Setiap Mahasiswa

oleh: **Mohamad Nur Azshary Mohd Salleh**  
**Nazreen Azrina Mat Azahar**

Sudah menjadi kelaziman Projek Ilmiah Tahun Akhir (PITA), merupakan satu cabaran terbesar yang dialami oleh setiap mahasiswa tidak kira bagi mahasiswa yang menuntut di Institusi Pengajian Tinggi Awam mahupun Swasta. Secara umum, PITA menguji kebolehan mahasiswa untuk mengaplikasikan dan seterusnya menjadi kayu pengukur sepanjang tempoh pengajian mereka. Namun begitu, tidak semua mahasiswa diwajibkan untuk membuat PITA. Sebagai contoh di Universiti Malaysia Terengganu (UMT) sendiri PITA menjadi kursus wajib bergantung kepada program pengajian mahasiswa tersebut. Kursus PITA ini ditawarkan hanya kepada mahasiswa tahun akhir bagi setiap program pengajian.

Berdasarkan pengalaman graduan program Sarjana Muda Sains Matematik Komputasi, sesi 2009/2010, Saudara Muhammad Afiq Mohd Sahidi, salah satu aspek terpenting dalam membuat PITA adalah perancangan masa yang baik. Ini kerana, terdapat lapan langkah yang perlu diambil kira sebelum membuat PITA. Langkah-langkah tersebut adalah mencari tajuk yang bersesuaian dan diminati, mengkaji projek-projek yang telah dilakukan sebelum ini bersesuaian dengan tajuk yang dipilih, mengenal pasti jangkaan awal bagi projek yang akan dilakukan, merangka kaedah kajian yang bersesuaian, mengumpul data-data yang diperlukan daripada kajian, menganalisis data yang telah dikumpul, membuat laporan mengenai hasil kajian dan mengenal pasti permasalahan serta penambahbaikan kajian.

"Minat merupakan kunci utama yang perlu ada pada setiap mahasiswa yang mengambil kursus PITA", jelas pelajar tahun akhir Sarjana Muda Sains (Sains Kimia) Sesi 2010/2011, Saudari Afifah Abu Kassim. Ini kerana, dengan minat ianya akan menahirkan kesungguhan dalam diri mahasiswa untuk membuat PITA. Selain itu, kecenderungan mahasiswa terhadap minat mampu mengatasi tekanan yang mungkin dihadapi berbanding mereka yang mengambil kursus PITA tanpa minat. Minat tidak semesti terbentuk secara semula



jadi dalam diri mahasiswa, tetapi ianya juga mungkin terbentuk apabila mendapat kata-kata perangsang atau sumber inspirasi daripada individu tertentu.

Dewasa ini, *dunia hanya di hujung jari*, keterbukaan ini menyebabkan ramai mahasiswa mengambil jalan pintas untuk menyiapkan laporan PITA mereka dengan memplagiat hasil-hasil kajian yang terdahulu sesuai dengan kenyataan yang dibuat oleh Saudara Muhammad Afiq Mohd Sahidi. Perbuatan plagiat ini merupakan satu perbuatan yang tidak beretika sebagai mahasiswa yang sepatutnya mempunyai nilai kesedaran dan mentaliti kelas pertama. Biarpun mahasiswa pada hari ini mengambil enteng akan perkara ini, namun begitu kesannya amatlah besar terutamanya terhadap kualiti kerja mereka.

Menurut seorang mahasiswa pasca siswazah Sarjana Sains

(Sains Kimia), Saudari Nurul Ashikin Mohyidin, sebagai seorang yang *setahun jagung* dalam bidang kajian, mahasiswa yang mengambil kursus PITA, mereka seharusnya sentiasa berinteraksi, berkomunikasi dan meminta pandangan penyelia PITA mereka sebagai seorang yang jauh lebih berpengalaman dalam bidang kajian. Proses ini penting sebagai salah satu wadah penambahbaikan dan penyelesaian berkaitan dengan masalah yang mungkin berlaku sepanjang kajian dilakukan.

Menurut pensyarah di Jabatan Sains Kimia, Fakulti Sains dan Teknologi, Dr. Faizatul Shimal Mehamod, kunci utama dalam membuat PITA adalah disiplin dan sikap mahasiswa itu sendiri. Ini kerana, mahasiswa perlu ingat pensyarah hanya memberi, sedangkan mahasiswa perlu berusaha kerana pensyarah hanya menjadi lampu jalan

kepada mahasiswa sepanjang PITA dijalankan. Menurut beliau lagi, antara masalah utama mahasiswa dalam menghasilkan PITA adalah mahasiswa ini kebanyakannya mengikut kawan, ianya kerana kawan membuat PITA, maka mereka ingin membuatnya bukan atas dasar minat. Selain itu, mahasiswa ini kurang sifat proaktif dalam mencari maklumat tambahan, mereka hanya bergantung harap kepada pensyarah jika mempunyai masalah dalam sesuatu perkara.

Tamsilnya, bagi mereka yang mengambil kursus PITA ini, persediaan dari segi mental dan fizikal perlulah dilakukan sebaik mungkin bagi mengatasi segala kemungkinan yang akan berlaku. Umum sedia maklum, pengorbanan yang mungkin dilakukan oleh mahasiswa sepanjang PITA dijalankan mencakupi masa, tenaga dan kehidupan harian.



Perancangan kerja yang teratur memudahkan perjalanan membuat PITA.



Menganalisis setiap dapatan selepas membuat uji kaji.



# Syukran Dulu Graduan UMT

## Kini Bertugas di **KL Airport Services**

oleh: **Normadiana Mohammad Jaafar**

Assalamualaikum. Terlebih dahulu pihak *Samudera* ingin mengucapkan ribuan terima kepada Saudara Syukran kerana kesudian untuk ditemuramah bagi berkongsi pengalaman dan ilmu yang dimiliki.

Terima kasih saya ucapkan kembali atas kesudian pihak *Samudera* kerana memilih saya untuk mengisi ruangan *Jejak Alumni* pada kali ini.

Sebagai pembuka bicara boleh saudara kongsi pengalaman saudara sepanjang bergelar mahasiswa di UMT.

Pada Tahun Satu, saya telah diberi kepercayaan siswa/i UMT bagi menggalas jawatan sebagai Timbalan Presiden Food Science Club dan juga Timbalan Presiden Surau Al-Irfan. Penglibatan saya dalam aktiviti kampus diteruskan lagi apabila pada Tahun Dua dan Tiga (19 bulan) saya telah bergiat aktif dalam Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) sebagai Naib Presiden I dan merangkap Exco Kerohanian dan Pembangunan Sahsiah. Sepanjang menjawat jawatan MPP, alhamdulillah banyak program besar telah diadakan antaranya Majlis Solat Hajat dan Ceramah Perdana Sempena Peperiksaan Akhir Semester, Malam Rintihan GAZA, Bengkel Sifat Solat Cara Nabi SAW, dan pelbagai program kecil. Saya juga pernah menimba pengalaman menjadi wartawan *Samudera* dari semester I dan II, menjadi Pengarah Program sebanyak lapan kali, fasilitator MJM sebanyak tiga kali dan banyak aktiviti dalaman dan luaran universiti yang telah saya hadiri. Di samping itu saya juga pernah mewakili UMT ke program Real Undergraduate Conference (RUC'10), Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan (MPPK'10), Karnival Iktiraf 2010, Program Pengukuhan Organisasi Pemimpin Pelajar IPT 2011, Program Pendidikan Imam Muda Terengganu, Program Mahasiswa Turun Parlimen (tiga bulan). Saya

**Mohamad Syukran Ahmad Kamarudin merupakan anak kelahiran Puteri Lagenda Mahsuri, Langkawi, Kedah mempunyai karisma yang tersendiri. Jejak yang berusia 28 tahun ini telah menamatkan zaman bujangnya dua tahun yang lalu. Sepanjang mengikuti pengajian di Universiti Malaysia Terengganu dalam program Sarjana Muda Sains Makanan (Perkhidmatan Makanan dan Pemakanan) ambilan 2009-2013 beliau sentiasa dilihat aktif melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti. Kini beliau berkhidmat di KL Airport Services (KLAS) sebagai Pegawai Jaminan Kualiti (QA Officer). Ikuti temubual wartawan *Samudera* bersama beliau.**

juga bergiat aktif dalam Kumpulan Nasyid Ilhaam dan pernah menjadi Johan dalam Karnival Majlis Kolej Kediaman. Saya mula memperlancarkan aktiviti saya apabila memasuki Tahun IV kerana ingin memberi fokus terhadap Projek Ilmiah Tahun Akhir (PITA) dan hanya menjawat jawatan sebagai Presiden Al-Falah pada tahun tersebut.

Apakah cabaran yang pernah saudara hadapi sepanjang menggalas tanggungjawab sebagai Pegawai Jaminan Kualiti (QA Officer) di KL Airport Services?

Cabaran yang terpaksa saya hadapi adalah kurangnya pengalaman dalam bidang ini kerana saya merupakan graduan baru. Saya banyak mempelajari

selok-belok dalam bidang ini ketika menjalani Latihan Industri di Kuala Lumpur Airport Services (KLAS). Banyak audit dalaman perlu dilaksana setiap hari mengikut jadual yang disediakan. Pada masa yang sama juga, kita perlu mempunyai keyakinan diri, berdisiplin dan tegas melakukan kerja terutama apabila berdepan dengan pekerja, dan juga pembekal bahan mentah atau pemilik kilang yang membekal produk makanan.

Sebagai seorang yang berada dalam bidang makanan, apakah pendapat saudara tentang bidang ini dan ke mana arah tujuannya di masa hadapan?

Setahu saya, bidang Sains Makanan (Perkhidmatan Makanan dan Pemakanan) yang ditawarkan

di Malaysia hanyalah di UMT sahaja. Bidang ini sangat meluas dan bagus kerana terdapat dua gabungan bidang yang serasi iaitu Perkhidmatan Makanan dan Pemakanan. Walaupun suasana pembelajaran yang terlalu padat, penat dan kritikal tetapi ganjaran kebolehpasaran graduan bekerja di bidang ini amat terbuka luas sama ada di dalam negara mahupun luar negara.

Apakah nasihat saudara bagi yang ingin menceburi bidang ini?

Saya ucapkan tahniah dan syabas kepada mahasiswa/i yang memilih bidang ini bagi melanjutkan pengajiannya. Berusahalah sebaik yang mungkin. Fokus di dalam kuliah juga amat penting. Rebutlah peluang duduk di hadapan pensyarah ketika proses



pengajaran dan pembelajaran, sesungguhnya orang yang berada di hadapan itulah yang akan mendapat ilmu terlebih dahulu. Kepada yang bergelar junior selalulah berhubung dengan senior untuk mendapatkan pengalaman dan ilmu. Jangan jadi orang yang "bodoh sombong." Selalu berhubung dengan pensyarah selain menghormati mereka dan anggaplah mereka itu ayah dan ibu kita. Insya-Allah ilmu yang disampaikan itu berkat dan direzhai Allah. Yang paling penting adalah niat belajar itu kerana Allah Ta'ala.

Umum mengetahui tentang persaingan yang sengit dalam pasaran kerja dewasa ini. Pada pendapat saudara apakah persiapan yang harus dilakukan oleh mahasiswa untuk menghadapi semua ini?

Persaingan dalam bidang pekerjaan pada masa kini adalah sangat-sangat mencabar untuk anak muda. Untuk bekerja di dalam sektor swasta, mereka tidak memandangkan kecemerlangan dalam akademik malah mereka perlu menitikberatkan soal kebolehan melakukan kerja-kerja dengan cepat, cekap dan efisien. Hal ini kerana, kebanyakan siswa yang memperolehi CGPA tinggi menghadapi masalah lesu untuk melakukan kerja. Bagi mereka yang ingin menceburkan diri dalam bidang swasta, keyakinan mental, emosi yang tinggi dalam melakukan kerja amatlah perlu. Dalam sektor swasta pekerja perlu berdikari dan bersungguh-sungguh serta bersusah-susah dahulu sebelum bersenang-senang di kemudian hari.

Nasihat saya kepada graduan, janganlah kita memilih pekerjaan pada masa kini. Bukan universiti kita sahaja yang mengeluarkan graduan, malah berpuluh ribu graduan yang keluar dari IPTA/S dalam negara mahupun luar negara pada masa yang sama. Oleh itu, kita perlu bersikap mencari peluang pekerjaan bukan pekerjaan mencari kita. Jika kita mempunyai peluang kita harus mencuba untuk sesuatu pekerjaan kerana apa yang penting adalah pengalaman kerja yang diperolehi. Hal ini kerana ganjaran yang diterima bagi mereka yang mempunyai pengalaman dalam pekerjaan adalah tinggi berbanding mereka yang tidak mempunyai pengalaman.



Pengalaman berkhidmat sebagai MPP UMT memberi peluang untuk menjejakkan kaki ke Korea.



Antara tugas yang dilakukan sebagai Pegawai Jaminan Kualiti.





*Kenangan... Sewaktu menjalankan tugas sebagai MPP UMT.*



*Mohammad Syukran kini berkhidmat sebagai Pegawai Jaminan Kualiti di KLAS.*

## 7 Prinsip Motivasi Syukran di alam kampus

### • Motivasi tugas

Motivasi tugas adalah motivasi yang ditimbulkan oleh tugas-tugas yang ditetapkan sama ada oleh pensyarah, siswa/i sendiri, mahupun yang dirancang oleh pensyarah dan siswa/i secara bersama-sama. Siswa/i yang memiliki motivasi tugas memperlihatkan keterlibatan dan ketekunan yang tinggi dalam menyelesaikan tugas-tugas belajar. Motivasi tugas hendaklah dibangun di dalam diri siswa/i dan ini dapat dilakukan oleh pensyarah melalui cara-cara yang betul.

### • Motivasi aspirasi

Motivasi aspirasi yang tinggi tumbuh dengan subur jika siswa/i memiliki perasaan berjaya. Perasaan gagal dapat menghancurkan aspirasi siswa/i dalam belajar. Oleh kerana itu pensyarah tidak boleh menjadikan pelajar selalu gagal, walaupun ini bukan bermakna pensyarah harus menjadikan pelajar berjaya secara terus menerus. Suatu konsep yang harus ditanam oleh pensyarah kepada siswa/i agar memiliki aspirasi yang tinggi adalah bahawa kejayaan atau kegagalan ditentukan oleh 'usaha', bukan oleh kemampuan atau kecerdasan.

### • Motivasi persaingan

Persaingan yang sihat dapat menjadi motivasi yang kuat dalam pembelajaran. Namun memupuk rasa persaingan yang berlebihan, dalam kalangan siswa/i dalam belajar dapat menimbulkan persaingan yang tidak sihat, kerana siswa/i bukan menjadi giat belajar, tetapi dengan berbagai cara berusaha mengalahkan siswa/i lain untuk mendapatkan status. Membangunkan persaingan dengan diri sendiri pada setiap siswa/i akan menimbulkan motivasi persaingan yang sihat dan berkesan dalam pembelajaran.

### • Motivasi penguatan

Kecemasan dapat mendorong usaha dan hasil belajar. Tetapi kecemasan yang berlebihan dapat menurunkan kehairahan dan hasil belajar. Siswa/i yang telah memiliki motivasi yang tinggi dalam belajar jika

mengalami kecemasan dapat menurunkan motivasinya itu. Demikian juga dengan siswa/i yang memiliki kecerdasan (IQ) rendah jika mengalami kecemasan menyebabkan usaha dan hasil belajar mereka menjadi bertambah merosot. Tetapi kecemasan sangat berkesan untuk meningkatkan usaha dan hasil belajar siswa/i yang bermotivasi rendah dan yang memiliki kecerdasan tinggi.

### • Motivasi kecemasan

Motivasi menghindar dapat mengatasi kita melakukan perkara yang sia-sia dan tidak berfaedah. Sebagai contoh dengan melakukan kerja-kerja atau mengikuti aktiviti yang akan mendapat manfaat kepada kita, agama, bangsa dan negara. Ini dapat menjadikan ilmu yang dipelajari itu boleh diamalkan dan diterapkan untuk perkongsian bersama.

### • Motivasi menghindar

Motivasi penguatan dapat ditimbulkan melalui diagram kemajuan belajar siswa/i, memberikan komentar pada setiap kertas tugas, ujian dan peperiksaan dan memberikan penghargaan. Pensyarah hendaklah menjauhi pemahaman bahawa pemberian angka sebagai sumber utama untuk menimbulkan motivasi penguatan, kerana menitik beratkan pemberian angka dalam memotivasi siswa/i dapat menimbulkan persaingan yang tidak sihat dan akan menimbulkan kecemasan di dalam kuliah.

### • Motivasi yang diarahkan oleh diri sendiri

Motivasi yang diarahkan oleh diri sendiri sangat berkesan dalam meningkatkan motivasi siswa/i dalam pembelajaran. Siswa/i perlu menunjukkan tingkah laku yang mandiri dalam pembelajaran dan mempunyai sistem nilai yang baik yang melatar-belakangi tingkah laku mereka itu. Pembentukan sistem nilai-nilai yang menjadi tanggungjawab pensyarah pada setiap siswa/i, sehingga mereka memiliki motivasi yang diarahkan oleh diri sendiri adalah sangat penting. Bagi siswa/i yang telah memiliki motivasi yang diarahkan oleh diri sendiri, pensyarah hanya perlu memberikan layanan yang sesuai dengan tuntutan aktiviti pembelajaran mereka.

# Taman Tropika Kenyir

## Gamit Tumpuan Pengunjung

Staf Jabatan Sains Biologi (JSB), Fakulti Sains dan Teknologi telah melawat Taman Tropika Kenyir (TTK) di Tasik Kenyir. TTK yang berada di bawah kelolaan MARDI dan KETENGAH mempunyai keluasan sekitar 10.5 hektar yang merangkumi Pulau Tekak Besar dan Pulau Sungai Tekak. Tujuan lawatan ini ialah untuk mengenal pasti potensi taman tersebut sebagai tapak penyelidikan, pengajaran dan pembelajaran termasuk Latihan Industri JSB, serta mengeratkan hubungan kerjasama antara MARDI TTK dan JSB.

Dengan diketuai oleh Dr. Wahizatul Afzan Azmi, seramai 22 peserta telah menyertai lawatan ini yang terdiri daripada Ketua Jabatan, pensyarah, pegawai sains, tutor dan felo akademik, pembantu makmal, dan pelajar sarjana JSB. Lawatan ini juga turut disertai oleh empat orang penyelidik yang berminat dari AKUATROP UMT. Perjalanan dengan menaiki bot laju mengambil masa kira-kira 30 minit dari Pengkalan Gawi dengan diiringi oleh beberapa pegawai MARDI. Pengarah taman tersebut, Dr. Muhammad Radzali Mispan mengalu-alukan kedatangan kumpulan penyelidik UMT di Jeti TTK dengan sedikit taklimat ringkas tentang TTK.

Pengarah TTK mengalu-alukan sebarang bentuk aktiviti pembelajaran dan penyelidikan yang sesuai untuk diadakan di TTK. Kemudahan bilik penginapan, makmal dan bilik perbincangan amat sesuai untuk beberapa kumpulan kecil penyelidik menginap ketika menjalankan kajian di kawasan sekitarnya. Kami telah dibawa melawat tapak anak pokok, tapak projek ternakan kelulut (*stingless bee*), infrastruktur pejabat dan prasarana penyelidikan serta penginapan. Taklimat tentang kelulut telah dibentangkan oleh pelajar sarjana UMT yang sedang menjalankan kajian di TTK diikuti pengalaman mengambil sendiri serta merasa madu asli ini terus dari sarang.

Samudera Oktober 2013

oleh: **Zakiah Hamzah, Mohd. Fazlin Mat Saaidin, Faridah Mohamad**  
Jabatan Sains Biologi



Peserta bersedia menaiki bot di Pengkalan Gawi, Kenyir.

Pengarah TTK juga memberikan penerangan tentang pokok-pokok asal yang ada di sepanjang denai hutan yang disediakan, serta menerangkan khasiat pokok-pokok herba dan tanaman perubatan yang ditanam di beberapa plot TTK. Lawatan diakhiri dengan semua ahli rombongan dibawa mengelilingi Pulau Tekak Besar dan menikmati jamuan tengah hari di kawasan penginapan penyelidik.

JSB melihat TTK sebagai satu tapak yang baik dan sesuai untuk kajian-kajian projek tahun akhir serta kajian-kajian khusus yang lain memandangkan ruang penginapan yang agak terhad. Hasil perbincangan semasa lawatan, Pengarah TTK bersetuju untuk mengadakan kerjasama penyelidikan di mana TTK akan menyediakan keperluan pengangkutan dan penginapan secara percuma termasuk bantuan khusus daripada staf MARDI sendiri.

Hasil perbincangan susulan selepas lawatan, JK Projek JSB-MARDI telah ditubuhkan di peringkat Jabatan dan diketuai oleh Dr. Wahizatul Afzan.

Hasil maklum balas daripada penyelidik jabatan, beberapa tajuk penyelidikan melibatkan tujuh pensyarah JSB telah dikemukakan iaitu:

- *Elucidating the inhibition effect of thiourea to the growth of cyanobacteria isolated from Kenyir Lake, Terengganu.*
- *Identification of cyanobacteria isolated in water from Kenyir Lake, Terengganu.*
- *Investigation on the Pollination Efficiency of the Stingless Bees, Trigona spp. (Hymenoptera: Apidae) for Future Use in Crop Pollination Success.*
- *Morphometric analysis, Nest Architecture and Colony Characteristics of the stingless bees (Hymenoptera:*

- Apiidae: Trigona spp.) from Kenyir Lake, Terengganu.*
- *Morphological Characterization of Pollen Collected by the Stingless Bees (Hymenoptera: Apidae: Trigona spp.) from Kenyir Lake, Terengganu.*
- *Genetic Diversity Study of Some Herbs in Taman Tropika Kenyir based on Leaf and Seed Storage Protein Patterns Using SDS-Page.*
- *Genetic diversity in populations of the stingless bees in Taman Tropika Kenyir.*

Secara keseluruhannya, lawatan ini telah berjaya mencapai objektifnya. Dengan bermulanya kajian di TTK, diharapkan projek-projek seterusnya akan menyusul dan membawa manfaat kepada semua pihak.

Kemudahan jeti di Taman Tropika Kenyir (Pulau Tekak Besar).

Galeri Utama Taman Tropika Kenyir.







Peserta dalam perjalanan menaiki bot ke Pulau Tekak Besar, Kenyir.

Penerangan ringkas mengenai Projek 'Stingless Bee' oleh pelajar UMT.



Peserta dalam perjalanan menaiki bot ke Pulau Tekak Besar, Kenyir.

Pemandangan di sekitar Taman Tropika Kenyir.



Pemandangan di sekitar Taman Tropika Kenyir.



Penerangan oleh Pengarah TTK, Dr. Muhammad Radzali Mispan.



Sesi fotografi bersama Pengarah TTK dan pegawai MARDI





# Sesuaikan Diri Anda Apabila Jadi “Pelajar U”

oleh: **Rabil Sitta Abdul Rahman**  
Penerbit UMT

## Luaskan pergaulan

Sebelum melangkah kaki ke Universiti Malaysia Terengganu, anda hanyalah pelajar sekolah menengah yang mengikuti rutin belajar yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah di setiap hari persekolahan. Biasanya jika bangun pagi, mungkin ibu yang menjadi jam loceng mengejutkan anda setiap hari. Kini kehidupan di kampus setelah bergelar mahasiswa/i atau “pelajar U,” segalanya telah berubah. Beberapa perubahan besar yang akan anda alami apabila bergelar “pelajar U” ini. Perubahan ini adalah satu transformasi penting yang perlu anda lalui sebelum melangkah masuk menjadi individu dewasa dan berkerjaya.

## Lebih berdikari

Kehidupan di universiti memerlukan anda hidup berdikari. Di sini tiada ibu atau bapa yang akan membuat sesuatu untuk anda. Di sini juga tiada suara bebelan ibu mengejutkan anda supaya bangun tidur. Anda perlu bangun sendiri. Menunaikan kewajipan solat Subuh (pelajar Muslim) atau bersiap sedia untuk menghadiri aktiviti kuliah pagi. Anda juga perlu membasuh pakaian sendiri atau menghantar pakaian ke kedai dobi. Bagi mereka yang tinggal berjauhan dengan keluarga, kaum keluarga hanya akan menghantar semasa hari pendaftaran sahaja. Jika mahu pulang ke pangkuan mereka semasa cuti semester, anda perlu pandai mencari tiket bas ataupun kapal terbang sendiri.

## Urus Kewangan Diri

Kehidupan di universiti juga melatih anda untuk mengurus kewangan sendirian. Wang yang ada di dalam dompet ataupun akaun bank semua perlu diuruskan sendirian. Anda perlu bijak mengasingkan wang untuk bayaran yuran, pembelian alat tulis dan buku-buku rujukan, keperluan peribadi dan juga perbelanjaan makan dan minuman seharian anda di sini. Anda perlu bijak berbelanja sementara menunggu ibu bapa memberikan wang belanja ataupun duit pinjaman masuk ke dalam akaun bank masing-masing. Keluarkan wang yang mencukupi untuk keperluan seharian anda di sini. Sediakan senarai perbelanjaan anda. Anda adalah “akauntan” bagi diri sendiri, jika bijak berbelanja, maka selesa kehidupan di sini jika boros berbelanja...mengikat perutlah anda di sini.

Kehidupan di alam kampus ini juga membolehkan anda mendapat ramai kenalan. Anda akan mendapat kenalan daripada pelbagai bangsa dan peringkat umur. Anda berpeluang bergaul dengan rakan-rakan sebaya satu program pengajian dan juga mungkin rakan senior daripada program lain. Anda perlu bijak bergaul dan membawa diri, jangan jadi “kera sumbang” yang tidak pandai bergaul di kampus ini. Ambillah kesempatan sepanjang berada di sini untuk menambah kenalan. Anda boleh mencari sahabat karib di universiti. Anda juga berpeluang mendalami dan memahami adat resam rakan-rakan daripada kaum dan agama lain. Hidup di universiti memerlukan anda saling menghormati antara satu sama lain. Pilih rakan yang mempunyai ciri seorang mahasiswa/i cemerlang supaya aura kecemerlangan itu juga termasuk dalam diri anda juga. Jangan salah pilih kawan. Kawan yang memberikan pengaruh negatif perlu dijauhi.

## Pilih Aktiviti Kokurikulum dan Sukan

Semasa bergelar “pelajar U” ini juga anda berpeluang menyertai aktiviti kokurikulum, sukan dan juga persatuan. “Tepuk dada, tanya selera”. Tanya diri anda apakah aktiviti yang anda minati. Sertai semua aktiviti yang anda minat bagi menambah kemahiran dalam diri. Aktiviti kokurikulum ini juga bakal membuka ruang dan peluang untuk anda menonjolkan kebolehan diri. Perahlah bakat yang ada dalam diri untuk persatuan dan juga universiti. Anda berpeluang bertukar pandangan dengan rakan-rakan dan juga penasihat persatuan.

## Bentuk Peribadi dan Rancang Masa Hadapan

Selangkah kaki anda ke menara gading ini bermakna kejayaan semakin hampir dengan anda. Gunakan peluang sebaik mungkin di sini untuk membentuk kerjaya anda di masa hadapan. Tidak dinafikan, jumlah graduan yang berkelulusan tinggi setiap hari semakin meningkat. Jangan risau dengan situasi ini, gunakan kesempatan berada di alam kampus untuk meningkatkan kemahiran diri. Cari dan gali sebanyak mungkin ilmu pengetahuan dan kemahiran diri sepanjang masa anda menjadi “pelajar U” ini. Jika ilmu dan kemahiran sudah penuh di dada, anda secara automatik akan



menjadi individu yang berkeyakinan tinggi. Semua organisasi pekerjaan di luar sana mencari calon pekerja yang bukan sahaja cemerlang akademik tetapi berkeyakinan dan mempunyai kemahiran. Jika sebelum melangkah kaki ke kampus anda mungkin hanya menguasai dua bahasa, di alam kampus ini ambil peluang menguasai lebih daripada dua bahasa. Kemahiran berkomunikasi dalam bahasa asing seperti Inggeris, Perancis, Mandarin,

Kantonis dan sebagainya, sentiasa mendapat perhatian yang lebih daripada organisasi luar sana.

Gunakan semua peluang yang ada di universiti ini untuk membentuk diri anda menjadi “pelajar U” yang cemerlang baik dalam bidang akademik dah juga kemahiran insaniah. Bak kata pepatah, *kalau baik buat tauladan, kalau tak baik buat sempadan!*

## Tips Penjagaan Rambut Bagi Wanita Bertudung

oleh: **Rabil Sitta Abdul Rahman**  
Penerbit UMT

Rambut adalah mahkota paling berharga bagi seorang wanita. Memiliki rambut yang cantik dan sihat adalah lumrah semua jadi bagi setiap wanita. Malahan kaum Adam sekarang pun sudah mula pandai menjaga kecantikan rambut mereka. Bagi wanita yang bertudung, kecantikan rambut perlu tetap terpelihara agar mahkota yang dilindungi itu tetap mempesona. Kadangkala, ada sesetengah wanita mengabaikan kesihatan rambut apabila bertudung. Mereka terus memakai tudung dalam keadaan rambut yang masih basah dan lembap. Akibatnya rambut bukan sahaja berbau, malah ia mungkin juga akan berbulu diujungnya.

Meskipun anda bertudung, jagalah mahkota pemberian Allah SWT ini dengan baik. Aurat yang ditutup rapi dan dilindungi di sebalik tudung anda yang pelbagai fesyen juga perlu sentiasa mantap dan sihat. Mengikut kajian, ramai di kalangan wanita mengalami masalah rambut seperti keguguran atau rambut rosak akibat iklim di sekeliling, pemakanan, gaya hidup, tekanan dan sebagainya.

Di sini, dilampirkan beberapa tips penjagaan rambut, istimewa buat semua pembaca *Samudera*, khususnya buat mahasiswi UMT.

- Pastikan rambut betul-betul kering, sebelum anda memakai tudung.
- Cuci rambut setiap dua atau tiga hari sekali.
- Elak mengikat dan membalut rambut dengan tuala. Keringkan rambut dengan pengering rambut yang tidak terlalu panas ataupun kipas angin.
- Guna kain tudung yang lembut. Elak guna kain tudung jenis kapas kerana ia memerangkap haba dan membuatkan kulit kepala cepat berpelu.
- Apabila pulang daripada rumah atau bilik asrama, buka tudung dan biarkan rambut kering. Biarkan angin meresap di kulit kepala.
- Pilih syampu yang sesuai dengan kulit anda.

Selamat mencuba, pelihara dan jaga rambut anda sebaik mungkin. Meskipun rambut diliputi tudung, ia juga perlu dipelihara dan dijaga rapi.



# Bina Keyakinan Diri melalui *Blue Ocean Strategy*

oleh: **Dr. Azlinzuraini Ahmad**  
Jabatan Pengurusan dan Pemasaran, FPE

**B**imbang dan tidak yakin ketika ingin melangkah kaki ke alam industri pekerjaan? Begitulah dilema pelajar-pelajar tahun akhir ketika bermulanya proses pencarian penempatan latihan industri sehinggalah di saat pelajar-pelajar perlu mendapat pengesahan penempatan. Proses ini lazim dilakukan dalam Semester II pada setiap sesi akademik.

Bagi membantu mengurangkan tekanan dan dilema pelajar, Jabatan Pengurusan dan Pemasaran telah mengambil inisiatif untuk memperkenalkan Bengkel Kemahiran Pengurusan “Blue Ocean Strategy” bagi melengkapkan pelajar-pelajar dengan pengetahuan pengurusan terkini dan pelbagai sesi peneguhan kemahiran bagi meningkatkan keyakinan pelajar. Seramai 120 pelajar tahun akhir Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran) dan seramai enam orang ahli jabatan turut hadir.

Bengkel ini telah dilaksanakan dengan jayanya pada 17 Mei 2013 iaitu sebulan sebelum para pelajar memulakan latihan industri mereka. Tiga penceramah jemputan telah dijemput khas dari Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Dato’ Razali Ismail dan Halima Consultant Sdn. Bhd.; iaitu En. Idrul Hisham bin Ismail, Tn. Hj. Ma Hasan bin Salleh, Tn. Hj. Nordin bin Monel. Sesi pertama dikendalikan oleh Tn. Hj. Ma Hasan yang membincangkan pengetahuan pengurusan terkini iaitu topik khas berkaitan *Blue Ocean Strategy* dalam organisasi. Para pelajar diperkenalkan dengan konsep *red ocean and blue ocean* dalam mentafsir strategi terkini organisasi perniagaan.

Sesi kedua melibatkan sesi kemahiran perniagaan dan promosi produk di mana pelajar didedahkan dengan pengalaman sebenar



Aktiviti Latihan Dalam Kumpulan.

penceramah ketika bertugas di Petronas dan pengalaman beliau yang turut terlibat dengan perniagaan perkhidmatan. Sesi ini dikendalikan oleh Tn. Hj. Nordin yang turut membentuk kemahiran interpersonal pelajar-pelajar dengan mempraktikkan kaedah *personal selling* ketika Latihan Dalam Kumpulan (LDK). Sesi dalam bengkel sehari ini telah dilaksanakan dalam bentuk *blended mode* iaitu gabungan kuliah, simulasi dan *business games* bagi meningkatkan kemahiran dan keyakinan diri para pelajar tahun akhir Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran).

Sesi terakhir iaitu sesi kreatif dan inovatif (promosi produk) telah dikendalikan oleh En. Idrul Hisham di mana dalam sesi terakhir ini banyak memerlukan pelajar melakukan aktiviti dalam kumpulan dan simulasi. Terdapat tiga acara LDK yang membantu pelajar mengasah kemahiran

kreativiti dan inovasi mereka dengan menggunakan straw, telur, pen dan kertas serta belon. Semua aktiviti yang dirancang telah mendapat sambutan yang baik daripada pelajar-pelajar dengan menunjukkan kerjasama dan penyertaan yang memberangsangkan. Pelajar yang berjaya menyempurnakan ketiga-tiga sesi bengkel ini telah diberikan sijil penyertaan oleh pihak fakulti dan sijil tersebut telah diedarkan sebelum mereka mengikuti latihan industri pada 16 Jun 2013.

Secara keseluruhannya, bengkel ini dilihat dapat menepati objektif asal yang bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar berkaitan kemahiran pengurusan yang diharapkan dapat dipamerkan oleh pelajar sebagai persediaan ke alam kerjaya dari perspektif industri. Penceramah yang dijemput telah berkongsi pandangan dan pengalaman dalam

melaksanakan simulasi, *role play* dan *management games* bagi membentuk kemahiran pengurusan pelajar. Dengan ini, pelajar juga telah didedahkan dengan kemahiran perniagaan dan kemahiran penyelesaian masalah bagi meningkatkan *soft skill* dan kebolehpasaran mereka selepas tamat pengajian.

Semoga bengkel dan aktiviti seumpama ini dapat meningkatkan kebolehpasaran graduan agar berketerampilan dan memiliki budaya kerja profesional di dalam bidang Pengurusan dan Pemasaran. Aktiviti kreatif/ inovatif yang dijalankan semasa bengkel diharapkan dapat meningkatkan keyakinan pelajar Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran) untuk berusaha menepati jangkaan dan kehendak industri seperti kemahiran komunikasi, penyelesaian masalah, kerja berpasukan dan sebagainya.

# Maklumat **Kelab Pelajar di UMT**

**S**elamat datang diucapkan kepada semua pelajar Sarjana Muda Tahun Satu yang akan memulakan kehidupan sebagai warga kampus di Universiti Malaysia Terengganu. Sesungguhnya alam universiti bukan sahaja hanya mengutamakan aktiviti akademik malah mahasiswa digalakkan untuk bergiat aktif dalam aktiviti bukan akademik. Untuk edisi ini pihak Samudera ingin memperkenalkan beberapa kelab sebagai rujukan dan pengetahuan untuk adik-adik yang berminat menyertainya.

## Sekreteriat Rakan Integriti Mahasiswa

Presiden: Nor Ashikin binti Mohd Yusoff

Pencapaian : Anugerah MAKEP Program Terbaik, Kelab Eksekutif Tokoh Kepimpinan Pelajar (dua tahun berturut-turut)

Aktiviti yang pernah diadakan: Program Konvoi Amal Belia Integriti, Kuiz Integriti Mahasiswa, Lualan Hijrah, Ekspedisi Gunung Stong, Program Bakti Siswa *Super Kampung Style*, *Artegrity Photoshoot Contest*.



Antara aktiviti yang dijalankan oleh Sekreteriat Rakan Integriti Mahasiswa.

## Kelab Taekwondo Gemilang UMT

**Pengasas :** Master Shaik Ismail Mohd Farook

**Presiden :** Muhamad Ammirulhafidzi Muhammad Arus  
Sarjana Muda Sains  
(Sains Nautika dan Pengangkutan Maritim)

### Aktiviti :

Latihan pada setiap Jumaat (4.00 hingga 6.30 petang) dan Sabtu (2.00 hingga 5.00 petang). Latihan pada hari Sabtu dikhaskan kepada pelajar Tahun I yang mengambil elektif kokurikulum. Kelas untuk atlet *poomsae* pada setiap khamis (8.00 hingga 10.00 malam). Selain itu, kelas UMT Kids yang dikhaskan kepada anak-anak staf UMT turut diadakan pada hari Sabtu (2.00 hingga 5.00 petang). Atlet-atlet kelab ini juga akan mengambil bahagian dalam setiap kejohanan yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

### Pencapaian:

- Pengadil Taekwondo peringkat negeri: Siti Zahuri Afida Che Soh, Siti Nor Ain Alam dan Roshila Murni Rosli.
- Sukan IPT: Dua orang atlet kelab ini telah menyumbang dua pingat perak dan gangsa. Tan Yin Ching (Perak) , Sri Balamurugan a/l Manokaran (Gangsa).
- Sukan Masum Siri 1 UTeM: Atlet *poomsae* berpasukan wanita kelab ini telah mendapat pingat gangsa. Mereka ialah Lily Chin, Nur Faizah Ibrahim dan Lew Huey Wern.
- Karnival Sukan MASUM UIAM: Pingat Emas disumbangkan oleh Usman Mohammed 'Shaq dalam kategori *Heavy* (Lelaki).



Barisan kepimpinan Kelab Taekwondo.



**Presiden:** Khadijah Hassan**Pencapaian Kelab:**

- Festival of Colors 2012-Memenangi pingat emas bagi Top 8.
- Festival Kelestarian Zapin antara IPTA Pantai Timur (FEKAZ'12)- Memenangi tempat kedua
- *Artistry In Rhythms* (AIR)-Memenangi tempat kedua

**Aktiviti:**

- Menyertai Festival Kebudayaan Universiti-universiti Malaysia (FESTKUM)
- Menyertai Festival Tari MAKUM
- Menyertai Festival Belia Putrajaya
- Menyertai Santai Seni UMT setiap tahun

**Kelab Lawn Bowl UMT****Timbalan Presiden:** Muhamad Syahril Hafiz Ahmad Halim**No. Telefon:** 019-3957494**Pencapaian Kelab:**

- MASUM 2012 (Memenangi pingat emas kategori 'Men Pairs')
- MASUM 2013 (Memenangi pingat emas kategori 'Men Pairs')

**Aktiviti:**

- Bengkel asas boling padang pada setiap semester.
- Menyertai pertandingan 'City Night Game' anjuran Majlis Sukan Negeri Terengganu setiap bulan.
- Mengadakan perlawanan persahabatan dengan pihak luar seperti PDRM Kuala Terengganu dan Majlis Daerah Kuala Terengganu.

**Kelab Pembimbing Rakan Siswa UMT****Penasihat :** Puan Hainany Idayu Yazid**Presiden:** Muhamad Asyraf Mohd YusofSM. Sains Nautika dan Pengangkutan Maritim  
(0134550290)**Aktiviti:**

- Program Mahasiswa Mentransformasikan Masyarakat Orang Asli di Kampung Orang Asli Pos Hendrop, Gua Musang, Kelantan.
- Ekspedisi Jejak Belia PRS ke Gunung Tebu, Lata Belatan, Besut.
- Bengkel *Adobe Photoshop*.
- Program Ramah Mesra Bertemu Mata ke UPM dan UPNM.
- Kem Pentauliahan PRS Aktif Batch 1 di Kem Lata Tembakah, Besut.
- Bengkel Asas Fasilitator.
- Program Fasilitator bersama pelajar sekolah rendah dan menengah.

**Kelab Penyayang****Penasihat :** Tuan Haji Rafee bin Mohd Jusoh**Presiden :** Zalina binti Abdullah (Sarjana Sains Matematik)**Pencapaian:**

- Presiden terbaik MAKEP 2010
- Kelab Eksekutif Terbaik MAKEP 2010
- Program terbaik MAKEP 2010
- Slot penerangan mengenai Program Misi Kemanusiaan Penyayang Siri II 2013 di Malaysia Hari Ini TV3 dan Hotfm.

**Aktiviti:**

- Program Misi Kemanusiaan Penyayang UMT di Kemboja siri II 2013.
- Program Korban bersama golongan OKU & Komuniti Kg. Pulau Kerengga 2012.
- Medical Camp Penyayang 2013, Pulau Perhentian.
- *Mountaineering* Penyayang @ Bukit Broga.
- Program Asimilasi Idea Kelab Penyayang UMT-UUM.
- Seluas Kasih Sebenang Harapan bersama pelajar OKU.



Antara aktiviti yang dijalankan oleh Kelab Kesenian Persadartari.



Antara aktiviti yang dijalankan oleh Kelab Lawn Bowl UMT.



Antara aktiviti yang dijalankan oleh Kelab Pembimbing Rakan Siswa.



Antara aktiviti yang dijalankan oleh Kelab Penyayang.

# Selangkah Ke Alam Pekerjaan

oleh: **Nazarudin Othman**  
Pelajar Praktikal  
(Universiti Malaya)



Penulis menerima cenderamata kenang-kenangan daripada Pengarah Penerbit UMT, Prof. Madya Dr. Noraien Mansor.

Tanggal 30 Jun 2013, penulis melangkah ke Universiti Malaysia Terengganu (UMT) untuk menjalani Latihan Industri selama dua bulan bermula pada 30 Jun sehingga 31 Ogos 2013. Latihan Industri ataupun lebih dikenali sebagai "Praktikal" merupakan salah satu subjek yang perlu diambil oleh penulis untuk melengkapkan jumlah jam kredit yang menjadi syarat untuk bergelar graduan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Melayu (Major Linguistik) Universiti Malaya.

Oleh kerana tempat asal penulis adalah negeri Terengganu menjadi salah satu faktor bagi penulis untuk menjalani Latihan Industri (LI) di UMT yang hanya mengambil masa selama 30 minit dari kampung penulis yang terletak di Kampung Baru Serada, Kuala Terengganu. Laluan berkenaan selalu digunakan oleh penulis untuk ke Batu Rakit menyebabkan penulis tidak kekok untuk memilih UMT sebagai tempat penulis menjalani latihan industri ini.

Walaupun penulis berasal dari Terengganu, penulis tidak banyak mengetahui tentang UMT. Hal ini menyebabkan penulis berasa seperti "rusa masuk kampung" apabila berada di kampus UMT ini. Sebelum itu, penulis ucapkan terima kasih kepada Pengarah Penerbit UMT, Prof. Madya Dr. Noraien Mansor kerana telah menerima penulis untuk menjalani latihan industri di Penerbit UMT selama dua bulan. Pada hari pertama penulis lapor diri, penulis telah diperkenalkan kepada semua staf Penerbit UMT.

Berada di Penerbit UMT membuatkan penulis berasa teruja

kerana buat pertama kalinya penulis merasai suasana sebagai seorang pekerja. Berada bersama staf Penerbit UMT yang ceria menyebabkan penulis hilang rasa



Hari terakhir di Penerbit UMT, penulis (lima dari kiri) bersama rakan-rakan praktikal serta semua staf Penerbit UMT.

gemuruh untuk menjalani latihan industri di sini. Masuk ke gerbang pekerjaan tidak sama suasananya apabila berada di bilik kuliah. Penulis hanya didedahkan mengenai subjek yang diambil oleh penulis di bilik kuliah, tetapi berada di Penerbit UMT penulis perlu mengaplikasikan apa yang telah diajarkan oleh Pensyarah Akademi Pengajian Melayu yang berkaitan dengan Nahu atau lebih dikenali sebagai Tatabahasa. Tatatingkat nahu khususnya terdiri daripada lima peringkat iaitu morfem, kata, frasa, klausa dan ayat.

Sesebuah artikel yang diedit perlu kepada lima komponen tersebut untuk memperlihatkan struktur ayat yang lebih baik untuk dibaca oleh pembaca khususnya.

Selain itu, berada di Penerbit UMT juga membolehkan penulis untuk mengaplikasikan kemahiran menggunakan aplikasi berkomputer. Sebagai contoh, Prof. Madya Dr. Noraien Mansor telah meminta supaya mereka bentuk kad raya bersempena hari raya. Berbekalkan ilmu sebesar kuman tentang penggunaan Adobe Photoshop penulis telah mereka bentuk sebuah kad raya dengan dibantu oleh En. Fadli yang merupakan Perekah di Penerbit UMT. Pada mulanya penulis hanya beranggapan bahawa kad raya tersebut hanya sebuah tugas yang diberikan oleh Prof. Madya Dr. Noraien Mansor tetapi sebaliknya kad raya tersebut telah dipilih untuk dicetak dan diagihkan kepada Pegawai Utama Universiti. Perkara tersebut merupakan satu kejayaan kepada penulis walaupun dilihat oleh orang lain sebagai perkara kecil. Penulis sememangnya meminati

yang singkat untuk mengaplikasikan semua perkara yang telah diajar. Tetapi penulis sedaya upaya menentangahkan perkara yang penulis boleh kongsi kepada Penerbit UMT ini. Walaupun ilmu yang telah dikongsi oleh penulis adalah tidak banyak seperti yang disangkakan, penulis berasa bersyukur kerana dapat menyumbang sesuatu kepada organisasi ini. Pepatah Melayu ada menyatakan:

*"Buah cempedak di luar pagar,  
Ambil gahai tolong jolokkan.  
Saya budak baru belajar,  
Kalau salah tolong tunjukkan".*

Selepas tamatnya latihan industri ini, penulis akan kembali berada di bilik kuliah Universiti Malaya untuk menghabiskan satu semester pengajian dan seterusnya akan menamatkan pengajian sebagai seorang graduan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Melayu. Penulis amat berbesar hati jika diberi peluang kedua oleh pihak Penerbit UMT untuk berkhidmat di sini sebagai seorang pekerja yang

tugas-tugas seperti ini kerana dapat meningkatkan tahap kreativiti.

Berada di Penerbit UMT, penulis didedahkan dengan pelbagai tugas. Tugas-tugas tersebut telah mempertajamkan kebolehan penulis untuk digunakan pada masa akan datang. Rasa takut sebelum bertandang ke UMT telah hilang kerana telah diperkenalkan dengan pelbagai tugas dan skop kerja yang boleh.

Tempoh dua bulan yang telah diberikan oleh pihak Universiti Malaya merupakan satu tempoh

menjadi impian bagi pelajar-pelajar yang akan menamatkan tempoh pengajian. Pepatah berkata, "Kecil tapak tangan, nyiru kami tadahkan". Diharapkan Penerbit UMT akan terus menghasilkan karya-karya dan bahan ilmu yang berguna untuk menjadi bahan rujukan yang bermanfaat kepada pelajar-pelajar bersempena dengan seruan Menteri Pendidikan Malaysia (II), YB Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh untuk melahirkan generasi Ulul Al-bab di peringkat nasional.



# Kem Aspirasi Matematik Tambahan 2013 Siri II

oleh: **Prof. Madya Dr. Sabri Ahmad**  
Jabatan Matematik  
Tambahan, FST

**B**aru-baru ini, Jabatan Matematik (JAMAT), Himpunan Mahasiswa Matematik (HIMMAT), Universiti Malaysia Terengganu dengan kerjasama Sekolah Menengah Imtiaz Yayasan Terengganu, Kuala Terengganu telah menganjurkan program Kem Aspirasi Matematik Tambahan (KEMAMTAM) 2013 Siri II di sekolah berkenaan. Program ini disertai oleh 78 orang pelajar Tingkatan 5 Sekolah Menengah Imtiaz Yayasan Terengganu, Kuala Terengganu. Bagi menjayakan program ini, seramai 16 orang ahli jawatankuasa telah terlibat yang terdiri daripada sembilan orang pelajar Sarjana Muda Matematik, tujuh orang pelajar Sarjana Matematik.

Tujuan utama program ini adalah untuk memberi pendedahan teknik belajar yang berkesan dan mendedahkan strategi menjawab soalan peperiksaan sebagai persediaan menghadapi peperiksaan SPM dalam Matematik Tambahan. Program ini juga bertujuan untuk meningkatkan pencapaian para pelajar terutamanya dalam mata pelajaran Matematik Tambahan memandangkan peserta terdiri daripada pelajar Tingkatan 5 yang bakal menduduki peperiksaan SPM tidak lama lagi. Aktiviti yang dijalankan sepanjang program ini adalah burumatik, bengkel, ceramah, senamatik, ujian pra dan



*Prof. Madya Dr. Sabri menyampaikan hadiah kepada para pemenang.*

ujian pos Matematik Tambahan.

Terdapat dua slot ceramah yang berbentuk akademik dan satu slot ceramah yang berbentuk motivasi telah dikendalikan oleh Profesor Madya Dr. Sabri bin Ahmad yang merupakan Pensyarah Matematik merangkap Penasihat Program KEMAMTAM. Slot ceramah yang disampaikan oleh beliau bertajuk 'Pembelajaran Matematik Tambahan Yang

Berkesan', 'Teknik Penyelesaian Masalah Dalam Matematik Tambahan', 'Perbincangan Topikal Matematik Tambahan' dan 'Kenali Diri Anda'. Slot-slot ceramah tersebut bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para peserta mengenai kaedah persediaan dan teknik berkesan dalam menjawab soalan Matematik Tambahan. Para peserta merasa gembira dan berpuas hati dengan ceramah yang disampaikan.

Kem Aspirasi Matematik Tambahan 2013 (KEMAMTAM) Siri II juga dijalankan dalam bentuk rekreasi dan penerokaan ilmu secara santai. Aktiviti yang disusun atur juga berbentuk aktiviti yang melibatkan kegiatan di luar kelas. Selain menerapkan semangat berpasukan, aktiviti ini juga menggalakkan pelajar agar belajar dalam keadaan yang lebih santai dan seronok. Para fasilitator telah mengendalikan aktiviti seperti senamatik, burumatik dan perbincangan ujian pra Matematik Tambahan. Ternyata aktiviti seperti ini mendapat sambutan yang sangat baik dari peserta.

Majlis penutup program KEMAMTAM 2013 Siri 2 disempurnakan oleh Profesor Madya Dr. Sabri bin Ahmad, Pensyarah Jabatan Matematik UMT merangkap penyelar program ini. Majlis ini turut dihadiri oleh Guru Matematik Tambahan Tingkatan 5, Puan Faridah binti Abd Samat, Pengarah Program KEMAMTAM 2013, Nurulhayah binti Muhamad dan semua peserta yang terlibat. Ucapan perasmian penutup juga telah disampaikan oleh Profesor Madya Dr. Sabri bin Ahmad selaku Penasihat Program, dan ucapan-ucapan lain oleh Nurulhayah binti Muhamad sebagai Pengarah Program dan Abdullah Nurul Sabri bin Sulong selaku Presiden Majlis Perwakilan Pelajar Sekolah Menengah Imtiaz Yayasan Terengganu, Kuala Terengganu. Beberapa anugerah juga telah disampaikan kepada kumpulan terbaik, pelajar lelaki terbaik dan pelajar perempuan terbaik berdasarkan aktiviti keseluruhan dan markah ujian pra matematik tambahan yang dijalankan.



*Para pelajar sedang bersedia untuk mengambil ujian pra matematik tambahan.*

# Cer Teka... Dialek Bahasa Ganu

Beberapa tahun anda telah menjadi pelajar UMT atau menetap di negeri ini? Atau anda baru sahaja menjejakkan kaki di sini? Cuba uji pemahaman anda dalam menguasai dialek bahasa Ganu. Bak kata peribahasa, "masuk kandang kambing mengembek dan masuk kandang kerbau menguak." Selamat mencuba!

- 1) Perkataan "**dok pah**" merujuk kepada...
- Tidak faham
  - Tidak sedap
  - Tidak lulus
  - Tidak larat
- 2) "**Woh smete**" membawa maksud...

- Wah jahatnya
- Buat tidak peduli
- Buah manggis
- Wah besarnya

- 3) Ayat mana yang sesuai jika dialih ke loghat Terengganu "penat sungguh kerja hari ini"
- Penak benor keje lening*
  - Letih sang nggoh keje hari ning*
  - Letih perik kite keje hari ning*
  - Letih mbeng nggoh keje hari ning*

- 4) Perkataan berikut memberi makna "tipu" **kecuai**...
- Mussang*
  - Plawok*
  - Lebong*
  - Nawok*

- 5) Apakah maksud "**tunggu betor**"...

- Jaga line
- Tunggu pintu stor
- Rileks dulu
- Tunggu kejap

- 6) "**Cerlong**" membawa maksud
- Menegur dengan kasar
  - Memandang dengan pandangan sinis
  - Memandang dengan pandangan garang dan kasar
  - Menghidu dengan enak

- 7) Perkataan "**tubek**" membawa erti...
- Tidak tentu pasal
  - Masuk
  - Lalu lalang
  - Keluar

- 8) Permukaan yang rata.
- Lese
  - Smabo

- Leweh
- Lewo

- 9) "**Woh..jangang wak gitu..settok aku..**"  
Apakah maksud "**settok**"?
- Terkejut
  - Hilang Sabar
  - Marah
  - Berdebar kuat

- 10) Apakah sambungan bagi frasa "**komang**"?
- Komang skrudrebar*
  - Komang playar*
  - Komang stangguk*
  - Komang spanar*

#### JAWAPAN:

- |      |       |
|------|-------|
| 1. C | 6. B  |
| 2. C | 7. D  |
| 3. B | 8. A  |
| 4. A | 9. A  |
| 5. D | 10. D |

## KALENDAR ACARA TAHUN MELAWAT TERENGGANU TAHUN 2013

TARIKH	ACARA	TEMPAT
4 - 6 Oktober	Piala Sultan Mizan 2013 (Kejohanan Sukan Lasak)	Terengganu International Endurance Park, Setiu
7 - 8 Oktober	Persidangan Pelancongan Hidupan Liar Antarabangsa	Tasik Kenyir, Hulu Terengganu
25 - 27 Oktober	Festival Gamelan Dunia	Kuala Terengganu
3 - 7 Oktober	Kenyir CUP 2013	Tasik Kenyir, Hulu Terengganu
18 - 19 Oktober	Seminar Pelancongan dan Marin Terengganu	Setiu
30 November - 9 Disember	The International Offroad Challenge of Malaysia-Rain Forest Challenge 2013	Kemaman, Dungun, Tasik Kenyir, Kuala Terengganu
3 - 8 Disember	Monsoon Cup Terengganu Malaysia 2013	Pulau Duyong, Kuala Terengganu
6 - 10 Disember	Festival Songket Terengganu	Pusat Dagangan Terengganu, Kuala Terengganu
13 - 15 Disember	Terengganu International Surfing 2013	Pantai Batu Buruk, Kuala Terengganu



# Program Aktif Ceria Jalin Silaturrahim

oleh: **Naqilbah Rosli**

Sumber: **Majlis Kolej Siswa (MKS) UMT**

**B**aru-baru ini, Majlis Kolej Siswa (MKS) dan Felo Kolej Siswa (FKS) Universiti Malaysia Terengganu telah menganjurkan program yang dinamakan program Aktif Ceria. Program ini dijalankan dengan kerjasama Kolej Siswa, Pusat Pembangunan Holistik Pelajar dan Kelab Revolution of Fisheries Universiti Malaysia Terengganu. Objektif utama program ini diadakan adalah untuk mencungkil bakat-bakat baharu yang ada pada diri pelajar diploma menerusi aktiviti yang dijalankan di samping merapatkan silaturrahim di antara mahasiswa diploma, MKS, FKS dan pihak pengurusan Kolej Siswa. Selain itu, program ini juga bertujuan untuk memperkenalkan Majlis Kolej Siswa, Felo Kolej Siswa dan Kolej Siswa dengan lebih dekat kepada pelajar diploma khususnya pelajar baharu agar mereka lebih memahami sistem pengurusan di Kolej Siswa.

Program dimulakan pada hari pertama, dengan pendaftaran peserta dan senamrobik. Aktiviti senamrobik dijalankan sebagai acara pembuka di Gelanggang Serbaguna Mahasiswa. Pertandingan pertama yang dijalankan ialah Cabaran Kolej Siswa yang disertai oleh 11 buah kumpulan yang terdiri daripada lima orang ahli setiap kumpulan. Aktiviti ini memerlukan kepantasan dan ketajaman minda para peserta secara tidak langsung dapat memperkenalkan Kolej Siswa secara santai kepada penghuni kolej. Para peserta perlu menyelesaikan 11 *check point* bagi



Pelajar Tahun 3 perempuan bergambar kenangan selepas tamat acara sukaneka.



Persembahan pada Malam Unexpected Idol.

menyelesaikan misi mereka.

Seterusnya, pertandingan *Woodball* pula dipertandingkan. Permainan ini memerlukan tumpuan bagi membolehkan bola yang dipukul berjaya dimasukkan ke dalam gol yang disediakan. Acara kembali bersambung pada pukul 5.00 petang dengan acara "dadidu". Permainan ini berkonsepkan dadu di mana sebuah dadu dibaling dan nombor yang keluar menentukan peserta bergerak maju ke hadapan atau mengundur. Pada sebelah malam iaitu pada jam 8.00 malam diadakan acara sukaneka

di Gelanggang Serbaguna Mahasiswa. Terdapat 10 kumpulan yang menyertai sukaneka pada malam itu. Lima bentuk permainan yang perlu peserta ikuti seperti baling kelapa, kaki gajah, baldi badminton dan pancing botol.

Program Aktif Ceria ini diteruskan lagi pada hari kedua, dengan program Malam *Unexpected Idol*. Malam *Unexpected Idol* telah berlangsung di Astaka KSARL. Majlis bermula pada jam 8.45 malam selepas ketibaan para jemputan. Sebanyak tujuh buah kumpulan yang bertanding dalam

acara kebudayaan ini. Majlis ini juga diselitkan dengan cabutan bertuah. Selesai persembahan daripada kumpulan terakhir, majlis diteruskan dengan ucapan alu-aluan dari Pengarah Program Aktif Ceria, Saudara Muhammad Wajidi Untong bin Untong disusuli dengan ucapan daripada Pengurus Asrama KSARL, En. Mohamad Jamil Rasyidi bin Mohamad Ramlan. Selepas ucapan, keputusan *Unexpected Idol* diumumkan dan kumpulan yang mendapat tempat pertama adalah kumpulan *Meow-meow*.

## Dalami Ilmu Kelautan di Pulau Bidong

oleh: **Hazzira Tarmizi**

**B**aru-baru ini seramai 120 orang pelajar Diploma Perikanan Tahun III, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) telah menjalani aktiviti pelayaran di Pulau Bidong selama 3 hari 2 malam. Aktiviti ini dilakukan bertujuan untuk melatih para pelajar tentang ilmu pelayaran dan kepelautan (kemahiran mengemudi dan mengendalikan kapal/bot).

Ianya dijalankan seiring dengan subjek yang telah dipelajari iaitu navigasi dan

kepelautan dan merupakan salah satu praktikal yang dilakukan untuk mendedahkan para pelajar dengan pelayaran dan juga memberi kesempatan kepada para pelajar untuk mencuba sendiri teknik-teknik pelayaran dan mempraktikkannya untuk masa hadapan. Para pelajar dibahagikan kepada enam kumpulan dan setiap kumpulan telah diberikan tugas masing-masing.

Di samping itu, aktiviti ini juga bertujuan untuk memberikan keyakinan kepada para pelajar semasa berada di laut.

Selain daripada belajar untuk mengendalikan kapal, para pelajar juga diajar cara untuk menghadapi masalah semasa berada di laut serta dipaksa untuk berenang di permukaan laut dalam.

Para pelajar juga diajar cara untuk menentukan kedudukan dari satu tempat ke satu tempat yang lain contohnya dari Pulau Bidong ke Pulau Redang. Pada setiap aktiviti yang dilakukan, para pelajar perlu menunjukkan arah pada peta yang diberikan dan mencatat setiap jarak sesuatu tempat tersebut. Walaupun

dalam keadaan yang pening dan tidak selesa, para pelajar tetap berusaha untuk menyempurnakan aktiviti mereka. Pelbagai teknik keselamatan yang telah diajar semasa berada di atas kapal contohnya *morse code* dan setiap pelajar perlu mempraktikkan teknik-teknik tersebut.

Pengalaman yang diperolehi oleh para pelajar sangat berguna dan aktiviti ini telah memberi banyak manfaat kepada para pelajar bahawa ilmu pelayaran dan kepelautan bukanlah senang seperti yang dilihat tetapi memerlukan keyakinan, usaha yang berterusan dan tidak berputus asa.



# Tahniah Buat Graduan

MAJLIS



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA



# KONVOKESYEN

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

19 - 20 Oktober 2013 bersamaan  
14 - 15 Zulhijjah 1434 H

**Dewan Sultan Mizan**  
Universiti Malaysia Terengganu

**PESTA KONVO UMT 2013**  
17-20 Oktober 2013  
9.00 pagi – 10.30 malam

